

# Masalah Devian Sosial

oleh: Nurul Hasanatul Safura

ISNIN, 17 MAC - Program Budaya Bicara Sarjana telah diadakan di perpustakaan UMS semalam. Program ini dikendalikan oleh Prof Madya Dr. R. Balan yang merupakan pensyarah Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial UMS.

Program ini adalah mengenai isu-isu devian sosial yang berlaku dalam kalangan pelajar masakini. Prof Madya Dr. R. Balan telah menghasilkan sebuah buku bertajuk 'Devian Sosial' edisi ketiga dan mengambil masa selama enam tahun untuk menghasilkan buku tersebut.

Definisi devian menurut beliau adalah "Devian merupakan tingkah laku manusia yang bercanggah dengan norma-norma masyarakat". Ketika ditanya mengenai bagaimana untuk mengatasi masalah homoseksual yang berlaku di UMS, beliau menjawab bahawa terdapat dua caranya iaitu dari naluri dan semula jadi.

Beliau menambah lagi,

"Kawalan diperingkat Malaysia meliputi dua aspek iaitu Akta undang-undang dan agen-agen sosial dari ajaran agama masing-masing".

Walau bagaimanapun, isu-isu devian yang berlaku diluar negara semakin diterima oleh masyarakat mereka sendiri. Sebagai contoh di Netherland dan Amerika Syarikat, perkahwinan sejenis dibenarkan.

Namun demikian, segelintir masyarakat Malaysia semakin matang dan sedar akan permasalahan tersebut dan memberi respon positif serta memperjuangkan hak homoseksual.

Beliau mengakhiri perbincangan dengan berkongsi mengenai cara mencegah permasalahan tersebut di India iaitu dengan menggunakan perubatan tradisional dan mandi suci.